

QISAS DALAM SYARIAH ISLAMIAH ANTARA PENGAKUAN DAN PEMBATALAN

Ahmad Bin Muhammad Husni
Amin Bin Muhammad Husni

ABSTRAK

Qisas ialah suatu hukuman jenayah yang disyariatkan Allah untuk dilaksanakan oleh orang yang beriman kepada penjenayah yang telah melakukan jenayah. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjelaskan konsep qisas dalam syariah islamiah. Adakah hukuman qisas ini sesuai dilaksanakan pada masa kini. Bagaimanakah pelaksanaan qisas ini apabila didapati bukti jenayah tidak cukup syarat-syarat yang mewajibkan qisas. Apakah kesan yang terjadi apabila hukuman qisas itu digantikan kepada pengampunan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kualitatif dari segi analisis dokumen, analisis ayat-ayat al-Quran, hadis, buku-buku ilmiah serta artikel-artikel yang berkenaan. Objektif kajian ialah untuk mendedahkan kepada pembaca mengenai indahannya hukum qisas ini pada hakikatnya. Memberi pengetahuan kepada pembaca akan pelaksanaan dan kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman qisas. Mengenal pasti negara yang melaksanakan hukuman qisas dan cara pelaksanaannya. Mengetahui adakah boleh dilaksanakan atau tidak pada masa kini. Kajian ini mendapati bahawa hukuman qisas tidak dilaksanakan sewenang-wenangnya sehinggalah mendapati pembunuh atau penjenayah tersebut benar-benar cukup syarat untuk dilaksanakan qisas. Tidak semua penjenayah yang melakukan jenayah dilaksanakan hukuman qisas ke atasnya, terdapat juga penjenayah yang mendapat pengampunan dari mangsa atau keluarga mangsa. Diharapkan makalah ini dapat memberi pemahaman kepada pembaca tentang qisas dan pelaksanaannya.

Kata Kunci: Qisas, Pelaksanaannya, Pengakuan, Pembatalan & Pengampunan.

PENDAHULUAN

Islam adalah agama *Rahmatan Lil 'Alamin*, agama yang memberi kedamaian, ketenteraman dan keselamatan bagi semua pihak, walaupun kepada orang yang melakukan kesalahan membunuh. Islam melarang dari melakukan kejahatan dan membalas semua kejahatan yang dilakukan kepada seseorang. Setiap perbuatan yang salah di dunia ini pasti akan dikenakan hukuman. Hukuman yang dikenakan bukanlah hukuman mengikut hawa nafsu semata-mata. Namun ia melambangkan keindahan Islam itu sendiri. Hukuman yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan yang berlaku pasti adalah dari syariat Allah SWT. Hukuman qisas adalah seperti hukuman hudud, iaitu hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah dan rasul-Nya kerana melakukan kesalahan-kesalahan yang melibatkan hilangnya nyawa seseorang manusia atau membawa kepada binasanya tubuh badan mereka. Apa yang ditetapkan oleh Allah SWT itu adalah mempunyai kebaikan dan hikmah tersendiri. Hukuman yang dikenakan bukanlah untuk membinasakan seseorang, namun ia untuk kebaikan semua pihak secara adil dan saksama.

Bagi kesalahan membunuh, Islam telah meletakkan beberapa syarat agar pembunuh mendapat hukuman yang sewajarnya manakala mangsa atau walinya mendapat keadilan yang saksama. Hukuman bagi kes bunuh adalah bunuh balas iaitu Qisas. Qisas merupakan hukum Allah, iaitu hukum balas balik kepada pembunuh yang melakukan kesalahan tersebut. Hukuman ini bukan dilaksanakan oleh orang yang disakiti. Namun, ia dilaksanakan oleh pemerintah. Sekiranya, ia diberi kepada orang yang disakiti untuk membalasnya, mungkin dia akan membalas secara berlebihan. Hukuman qisas ini dinilai dan dihukum mengikut kadar jenayah yang dilakukan oleh penjenayah. Hukuman ini tidak dikenakan sewenang-wenangnya.

Qisas bermaksud pembalasan yang serupa atas kesalahan atau kejahatan yang dilakukan oleh penjenayah. Contohnya, bagi kesalahan bunuh dibalas dengan hukuman mati, bagi kesalahan membutakan mata dibalas dengan hukuman membutakan mata dan seumpamanya. Qisas berlaku dalam kes pembunuhan dan kes kecederaan atas anggota badan. Qisas merupakan hukuman yang Allah berikan pilihan kepada mangsa sama ada mahu membalas balik atau memaafkan. Jika mangsa atau walinya memilih untuk melakukan qisas maka hukuman ini berlaku seperti yang telah ditetapkan, sekiranya berlaku selain dari itu maka hukuman atau denda lain akan diberikan kepada penjenayah.

KONSEP QISAS

DEFINISI QISAS

Qisas bermaksud melakukan tindakan sama yang berbentuk serangan fizikal terhadap seseorang seperti yang dilakukannya terhadap orang lain. Tindakan ini merangkumi perbuatan yang melibatkan pembunuhan atau kecederaan pada fizikal seseorang. Istilahnya pula ialah membunuh pembunuh atau mencederakan yang mencedera dengan cara yang ditetapkan oleh syariat islamiah. (Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji. 2011:137). Qisas iaitu hukuman kecederaan ke atas anggota yang dcederakan. Hukuman ini dikenakan ke atas anggota yang mempunyai sendi-sendi dan dapat dipastikan persamaannya seperti jari-jari tangan dan kaki, mata, telinga, hidung, tangan, kaki, kemaluan lelaki dan gigi. Bagi anggota lain, hukumannya diganti dengan diat kerana sukar untuk dipastikan persamaannya. (Abdul Ghani Azmi Idris 1997:194)

Qisas menurut pengertian bahasa ialah persamaan atau mengikut. Oleh itu, qisas menurut pengertian bahasa tersebut ialah seseorang yang melakukan jenayah tertentu akan diikuti dengan hukuman qisas sama seperti yang telah dilakukan terhadap mangsanya, contohnya mencederakan orang, hukuman qisasnya ialah dibalas dengan mencedera juga. (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali 1997:303). Pengertian qisas dari segi istilah pula dapat diberikan dengan beberapa pengertian, secara umumnya, kesalahan yang dikenakan qisas ialah kesalahan yang berkaitan dengan pembunuhan secara sengaja dan kesalahan dengan mencederakan anggota tubuh orang lain. Hal ini juga merupakan kesalahan yang berkaitan dengan hak individu dan warisnya

yang mana mereka itu berhak menuntut balas supaya penjenayah dihukum atau juga di ampun. (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali 1997:303)

Qisas menurut istilah ialah suatu pembalasan yang dijatuhkan dan dikenakan ke atas penjenayah sama seperti tindakan jenayah yang dilakukan terhadap mangsanya. Menurut istilah syarak, qisas ialah hukuman hudud yang telah ditetapkan melalui nas al-Quran dan hadis terhadap kesalahan yang melibatkan hak manusia. Antara hukuman yang diwajibkan qisas ialah pembunuhan dengan sengaja dan mencederakan anggota orang lain dengan sengaja dan mencederakan anggota manusia. Qisas menurut pengertian fuqaha' ialah hukuman yang sama terhadap penjenayah dengan jenayah yang dilakukan, sama ada jenayah atau mencederakan anggota orang lain dengan sengaja. (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali 1997:303).

DALIL PENGSYARIATAN QISAS

Qisas merupakan hukuman balasan yang sepadan dan lebih dikenali sebagai hukuman untuk pembunuhan secara sengaja dan pembunuhan yang dirancang. Selain itu juga, hukuman qisas diperuntukkan pula bagi penganiayaan atau kelukaan yang menyebabkan hilangnya salah satu anggota badan manusia. (Abu Mazaya & Abu Izzat 2004). Hukuman qisas adalah suatu ketetapan dari Allah SWT dalam al-Quran untuk dilaksanakan oleh manusia dalam rangka memperoleh hak yang sepadan bagi mangsa pembunuhan. Hukuman qisas ini boleh dilaksanakan atas pemilihan ahli waris atau pemerintah. Qisas juga berlaku bagi anggota badan yang luka sehingga menyebabkan hilangnya keberadaan anggota badannya.

Hukuman qisas bagi kes pembunuhan adalah termasuk dalam hukuman jenayah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT tentang jenis dan kadar hukumannya. Terdapat banyak ayat yang menjelaskan tentang hukuman qisas. Sebagaimana dalam firman Allah SWT :

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أُخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعَ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٍ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَلِكَ قَلْعًا فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ (178) وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ)

Maksudnya: *“Wahai orang-orang Yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan Yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. maka sesiapa (pembunuh) Yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang yang mengampunkan itu mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membalas dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya. dan di dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, Wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa”.*
(al-Quran, al-Baqarah 2:178-179)

Hukuman qisas ini hakikatnya bukan sahaja disyariatkan dalam al-Quran, namun ia telah disyariatkan dalam agama samawi yang lain sebelumnya. Contohnya dalam kitab Taurat. Sebagaimana firman Allah SWT :

(وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ)

Maksudnya: *“Dan Kami telah tetapkan atas mereka di Dalam Kitab Taurat itu, Bahawa jiwa dibalas Dengan jiwa, dan mata dibalas Dengan mata, dan hidung dibalas Dengan hidung, dan telinga dibalas Dengan telinga, dan gigi dibalas Dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). tetapi sesiapa Yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa Yang tidak menghukum Dengan apa Yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang Yang zalim”.*

(al-Quran, Al-Maidah, 5 :45)

HIKMAH DISYARIATKAN QISAS

Setiap undang-undang atau peraturan yang telah disyariatkan oleh Allah kepada umat Islam tidaklah mendatangkan perkara yang sia-sia. Melainkan ia adalah untuk kebaikan semua pihak. Maka begitulah halnya dengan undang-undang *qisas* yang diwajibkan kepada orang-orang yang beriman untuk melaksanakannya, sama sekali tidak menyusahkan atau memudaratkan, tetapi mempunyai *hikmah* atau *signifikasinya* yang tersendiri.

Antara Hikmah Disyariatkan *Qisas* ialah :

Untuk Memberi Keadilan Kepada Umat Manusia

Qisas adalah satu hukuman yang adil lagi saksama. Ini kerana hukuman *qisas* akan sama dengan apa yang penjenayah telah dilakukan, contohnya seorang yang membunuh dengan sengaja akan dikenakan hukuman bunuh. Seorang yang memotong telinga orang akan dibalas dengan dipotong telinganya. Tidak adil sekiranya membiarkan penjenayah bebas tanpa ada hukuman ke atas penjenayah. Contohnya, sekiranya seorang anak kehilangan bapanya yang dibunuh kejam oleh seorang pembunuh, namun tidak ada tindakan atau hukuman balas ke atas penjenayah, maka hal ini akan lebih teruk lagi kerana penjenayah mungkin akan mencari dan membunuh mangsa yang lain manakala anak tadi telah kehilangan penjaganya atau tempat pergantungannya, dan hal ini tidak adil bagi keluarga mangsa. Begitu juga adalah tidak adil sekiranya seorang yang hilang penglihatannya kerana perbuatan jahat

orang, tetapi penjenayah berkenaan tidak dihukum dengan hukuman yang serupa dengan jenayah yang telah dilakukan. Hal ini juga bagi menjaga masyarakat dari kejahatan dan menahan setiap orang yang akan menumpahkan darah orang lain.

Firman Allah SWT:

(وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيهِ سُلْطَانًا فَلَا يَسْرِفُ فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ مَنْصُورًا)

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia Yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali Dengan alasan Yang benar. dan sesiapa Yang dibunuh secara zalim, maka Sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu, janganlah ia melampau Dalam menuntut balas bunuh itu, kerana Sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum Syarak)”*.

(al-Quran, Al-Isra', 17 :33)

Mencegah Dan Menghalang Seseorang Dari Melakukan Jenayah.

Dengan terlaksananya hukuman qisas, maka hal ini akan mencegah serta menghalang seseorang dari melakukan jenayah atau merancang untuk melakukan jenayah. Apabila mereka mengetahui akan beratnya hukuman qisas tersebut maka seseorang yang bercadang atau akan melakukan jenayah akan berfikir berkali-kali tentang balasan yang mungkin akan dikenakan kepadanya sama seperti apa yang dia ingin lakukan kepada seseorang tersebut. Ia juga akan membatalkan niat penjenayah dari melakukan sebarang jenayah.

Meredakan Rasa Marah Atau Dendam Antara Keluarga Mangsa Dan Penjenayah.

Apabila hukuman qisas dilaksanakan maka segala rasa sakit hati atau dendam terhadap penjenayah telah hilang, kerana undang-undang qisas ini adalah balasan yang sama dan setimpal seperti yang telah penjenayah lakukan. Waris-waris seperti ibu bapa atau anak-anak mangsa jenayah bunuh akan merasa lega dan kurang marah jika pembunuh itu dihukum bunuh juga. Sebaliknya jika pembunuh itu hanya di penjara atau didenda maka waris tadi akan mencari jalan untuk membalas dendam bukan sahaja kepada pembunuh, bahkan boleh menular kepada keluarga si penjenayah.

Melahirkan Kehidupan Yang Lebih Aman

Selain daripada itu dengan menjalankan undang-undang qisas bererti menjamin kehidupan yang aman tenteram kepada seluruh umat manusia, sebagaimana firman Allah S.W.T :

(وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ)

Maksudnya : *“Dan di dalam qisas itu ada (jaminan) hidup bagimu wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bertakwa”* (al-Quran, al-Baqarah 2:179)

Ayat Al-Quran ini menjelaskan bahawa faedah hukuman qisas bukan hanya dirasai oleh waris mangsa, akan tetapi ia juga dapat dirasai oleh seluruh umat manusia. Jadi qisas bukan sebagai satu tindakan balas dendam yang faedahnya hanya dirasai oleh mangsa jenayah. Ayat ini juga menjelaskan bahawa kehidupan masyarakat dijamin oleh hukuman qisas. Oleh kerana jika qisas tidak dijalankan maka nyawa dan tubuh badan akan dicerobohi tanpa balasan dan pembelaan, orang yang kuat akan menindas orang yang lemah. Hidup dalam keadaan huru-hara kerana tidak ada undang-undang dan peraturan yang mengawal keamanan dan ketenteraman.

Firman Allah SWT :

(مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أُحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ بَعَدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ)

Maksudnya : *“Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) Yang demikian itu Kami tetapkan atas Bani Israil, bahwasanya sesiapa Yang membunuh seorang manusia Dengan tiada alasan Yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah Dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa Yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah Dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. dan Demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul Kami Dengan membawa keterangan Yang cukup terang; Kemudian, Sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang Yang melampauai batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.”* (al-Quran, al-Maidah 5:32)

Ayat ini memberi gambaran bahawa kejinya suatu kesalahan membunuh secara sengaja walaupun hanya membunuh seorang sahaja, pembunuh tersebut seolah-olah membunuh semua manusia. Sesuai dijelaskan di sini selagi pembunuh itu masih bebas dan tidak dikenakan hukuman yang setimpal, dia akan terus melakukan kesalahan dan mencari mangsa lain untuk dibunuhnya. Oleh itu, ia digambarkan seperti telah membunuh semua manusia kerana dia telah mencerobohi hak seseorang

untuk hidup dalam keadaan aman damai. Barang siapa yang memusuhi kehidupan seseorang seolah-olah dia telah menceroahi hak orang ramai untuk hidup.

Ayat ini juga menjelaskan bahawa dengan menjalankan hukuman qisas ini, seolah-olah telah memberi kehidupan baru kepada semua orang. Hal ini kerana, apabila pembunuhan itu telah dikenakan hukuman *qisas* bunuh, maka secara langsung atau tidak langsung telah dapat menyelamatkan bakal mangsa pembunuhan yang seterusnya daripada kekejaman penjenayah tersebut. Apabila terlaksananya hukuman *qisas* ini, maka semangat dan kekuatan waris-waris dapat dipulihkan setelah mereka kecewa dan patah hati kerana kematian anaknya yang dibunuh oleh penjenayah itu.

BAHAGIAN QISAS

Qisas terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Qisas Pembunuhan (Qisas fi nafs)
- ii. Qisas Selain Pembunuhan (Qisas ghairu nafs)

Qisas Pembunuhan

Qisas pembunuhan yang dimaksudkan di sini ialah menghilangkan nyawa seseorang dengan syarat pelaksanaan hukuman qisas tersebut ialah si pembunuh memenuhi syarat untuk dilaksanakan hukuman qisas. Qisas pembunuhan terbahagi kepada tiga bahagian:

Pembunuhan Sengaja

Membunuh dengan sengaja menurut pengertian umum ialah segala perbuatan jahat dengan niat yang mana ekoran tindakannya itu menyebabkan kematian, sama ada ia bertujuan membunuh atau tidak, asalkan dengan syarat perbuatan jahatnya itu boleh menyebabkan kematian. (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali 1997:308). Suatu tindakan yang diniatkan daripada seorang penjenayah yang ditujukan kepada mangsanya dengan menggunakan alat atau perbuatan yang kebiasaannya boleh mendatangkan kepada membunuh atau mangsanya terbunuh. Membunuh juga membawa erti menghilangkan nyawa manusia dengan sengaja atau menjadi sebab kepada kematian seseorang tanpa hak. Iaitu membunuh dengan niat dan benar-benar menjadi tujuan membunuh dan menggunakan alat yang boleh menyebabkan seseorang mati.

Seseorang secara sengaja melakukan pembunuhan ke atas orang lain secara kejam dengan menggunakan suatu alat yang biasanya boleh mematikan. Contohnya, menggunakan pisau, parang, pedang, pistol, senapang, panah atau lain-lain dari apa sahaja senjata tajam, atau dengan sesuatu benda atau perbuatan yang boleh menyebabkan kematian seperti dihipitnya dengan batu besar, dicampakkan ke dalam lautan yang luas, atau dihempaskan ke dalam api yang sedang menyala besar atau lain-lain yang biasanya benda atau perbuatan itu boleh mematikan. (Said Ibrahim 1996:162).

Pembunuhan Serupa Sengaja

Membunuh dengan separuh sengaja atau *syibhul 'amdi* iaitu pembunuhan yang dilakukan oleh seseorang dengan sengaja namun sebenar niat hati kecilnya bukanlah dengan tujuan untuk membunuh. (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali 1997:309). Contohnya seseorang memukul orang lain dengan sesuatu alat (kayu kecil dan ringan) yang kebiasaannya tidak mendatangkan kepada bunuh tetapi perbuatannya itu telah menyebabkan orang lain terbunuh.

Seseorang yang melakukan pembunuhan ke atas orang lain dengan sengaja juga dengan menggunakan suatu alat yang biasanya tidak boleh mematikan. Contohnya, dipikulnya dengan batu yang ringan atau dengan tongkat yang kecil, atau ditumbuknya dengan tangannya tanpa berturut-turut. (Said Ibrahim 1996:162). Suatu tindakan yang dimaksudkan oleh seseorang yang ditujukan kepada mangsa yang tertentu dengan tujuan menceroahinya sahaja dengan menggunakan alat atau cara yang pada kebiasaannya tidak membunuh, tetapi mangsanya terbunuh.

Pembunuhan Tidak Sengaja

Perbuatan seseorang yang diharuskan baginya untuk melakukannya yang tidak ditujukannya kepada seseorang yang lain. Contohnya, pemburu yang menembak seekor rusa, lalu terkena manusia, maka orang itu mati disebabkan tembaknya itu. Contoh yang lain, seseorang menggali sebuah perigi, lalu terjerumus masuk manusia ke dalam perigi itu, maka orang itu pun mati di dalamnya. (Said Ibrahim 1996:164). Suatu tindakan yang diniatkan daripada seorang penjenayah yang ditujukan kepada mangsanya dengan menggunakan alat atau cara yang pada kebiasaannya boleh membunuh dan menjadi sebab mangsanya terbunuh, namun tersalah sasaran.

Ulama' dan fuqaha' membahagikan membunuh dengan tidak sengaja ini kepada beberapa bahagian tertentu yang lebih terperinci, iaitu: (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali 1997:310)

- i. Perbuatan sengaja, namun bukan ditujukan kepada mangsa

Perbuatan membunuh tidak sengaja bentuk ini juga dikenali dengan tindakan tersalah pada perbuatan (الخطأ في الفعل), iaitu perbuatan yang dilakukan dengan sengaja, tetapi bukan ditujukan kepada mangsa sebenarnya, namun menyebabkan kematian. Contohnya, seseorang yang ingin menembak tupai di atas pokok tetapi telah terkena manusia.

- ii. Perbuatan sengaja terhadap mangsa, namun tersalah anggapan. Membunuh dengan tidak sengaja bentuk ini juga.

Membunuh dengan tidak sengaja bentuk ini juga dikenali dengan tindakan tersalah pada niat (الخطأ في القصد) dan tersalah anggap. Iaitu perbuatan yang dilakukan dengan sengaja dan sememangnya ditujukan ke arah dan kepada mangsa, kerana ia menyangka perbuatan yang dilakukan itu adalah harus. Contohnya, beberapa orang telah pergi berburu dalam hutan, kemudian salah seorang daripada mereka telah melihat anak-anak kayu bergerak dan di sangkanya kijang, lantas ditembaknya. Apa yang didapati yang terbunuh adalah manusia. Sebagai membunuh dengan tidak sengaja atau akibat kecuaiannya menyebabkan mangsa terbunuh.

Perbuatan yang dilakukan bukan dengan tujuan membunuh, namun akibat kecuaiannya menyebabkan mangsa telah terbunuh. Contohnya, seseorang tidur di atas katil kemudian terjatuh ke atas bayi dan menyebabkan kematian.

- iii. Tindakan yang menyebabkan mangsa terbunuh.

Pembunuhan yang dilakukan bukan tujuan untuk membunuh dan tidak sengaja asalnya, namun telah menyebabkan kematian mangsa. Contohnya, seseorang yang menggali perigi di tepi jalan untuk mendapatkan bekalan air telah menyebabkan terjatuh manusia dan mati.

Qisas Selain Pembunuhan

Jenayah mencederakan orang lain ialah setiap perbuatan jahat dengan niat yang dilakukan dengan cara memukul atau memotong yang tidak menyebabkan kematian namun ia berdasarkan natijah atau hasil perbuatan itu. Contohnya, dalam jenayah memukul dan mencederakan, penjenayah akan dipertanggungjawabkan di atas segala apa yang dilakukan dan berlaku sebagai hasil perbuatannya, walaupun asalnya ia tidak bertujuan melahirkan natijah seperti yang berlaku itu.

Mencederakan atau memotong anggota manusia dengan sengaja. Qisas selain pembunuhan dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, qisas pada anggota tubuh seperti mata, hidung, telinga, tangan dan kaki. Qisas pada luka dengan pelbagai. Sebagaimana qisas terhadap pembunuh yang dilakukan dengan sengaja, dalam kes jenayah mencederakan dan memotong dengan sengaja juga mestilah dikenakan qisas. Iaitu dengan dihukum qisas jenis yang sama. Contohnya, tangan kiri dengan tangan kiri dan kaki kiri dengan kaki kiri juga.

Sebagaimana firman Allah SWT:

(وَكُنْتُمْ عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ نَفْسٌ بِنَفْسٍ وَالْعَيْنُ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفُ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنُ بِالْأُذُنِ وَالسِّنُّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحُ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ)

Maksudnya: "Dan Kami telah tetapkan atas mereka di dalam Kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). tetapi sesiapa Yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa Yang tidak menghukum dengan apa Yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang Yang zalim."

(al-Quran, al-Maidah 5:45)

SYARAT MEWAJIBKAN QISAS

Untuk menjatuhkan hukuman qisas terhadap pembunuhan sengaja mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi, penjenayah hanya dikenakan hukuman diyat atau ganti rugi sahaja kepada mangsa. Oleh itu, syarat wajib qisas terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Syarat terhadap pembunuh.
- ii. Syarat terhadap mangsa.

Syarat Terhadap Pembunuhan

Syarat terhadap pembunuhan pula dapat dibahagikan kepada beberapa syarat. Di antaranya ialah, orang yang membunuh itu sudah baligh dan berakal (mukallaf). Maka tidak menjadi hukum qisas terhadap kanak-kanak dan orang gila. Orang yang membunuh itu bukan bapa atau ibu orang yang dibunuh. Orang dibunuh itu sederajat dengan orang yang membunuh, atau kurang darjat kerana qisas ini terlaksana ke atas perkara-perkara yang bersamaan. Qisas dilaksanakan mengikut apa yang telah dilakukan oleh penjenayah. (Said Ibrahim 1996:191)

Syarat Terhadap Mangsa

Terhadap mangsa juga mempunyai beberapa syarat tertentu. Di antaranya ialah, mangsa bukan dari kalangan orang yang ada hak terhadap pembunuhan. Mangsa bukan milik pembunuh. Contohnya, mangsa bukan hamba kepada pembunuh. Sekiranya mangsa adalah hamba, maka tidak terlaksana qisas terhadap pembunuh. Mangsa juga bukan anak kepada pembunuh, kerana ayah yang membunuh anaknya tidak dikenakan qisas. Mangsa adalah terpelihara darahnya. Contohnya, mangsa adalah orang yang tidak halal darahnya dibunuh.

HALANGAN PELAKSANAAN QISAS

Antara halangan umum daripada pelaksanaan hukuman qisas yang dilakukan dengan sengaja oleh penjenayah ialah seperti berikut, iaitu:

- i. Hukuman qisas ini tidak akan terlaksana kepada kanak-kanak yang masih kecil dan belum baligh begitu juga kepada mereka gila.

Belum cukup umur atau belum baligh, masih kanak-kanak. Tidak waras iaitu gila. Penjenayah atau pembunuh adalah bapa atau datuk, nenek atau emak terhadap yang dibunuh.

Sabda Rasul Allah s.a.w:

"رفع القلم عن ثلاث : عن النائم حتى يستيقظ ، وعن الصبي حتى يحتلم ، وعن المجنون حتى يعقل"

Maksudnya: *Allah tidak akan menyiksakan tiga golongan manusia, iaitu orang yang tidur sehingga bangun dari tidurnya, kanak-kanak sehingga ia baligh, dan orang yang gila sehingga ia berakal (mempunyai daya pemikiran yang waras).*

- ii. Hilangnya tempat yang sepatutnya dikenakan qisas.

Tempat yang dimaksudkan di sini bukanlah tempat pelaksanaan namun ialah orang yang melakukan jenayah, iaitu pembunuh. Apabila orang yang sepatutnya dikenakan qisas telah bunuh diri atau telah dibunuh, maka pelaksanaan qisas tersebut telah terbatal dengan sendirinya. Namun di sini ulama' berbeza pendapat tentang hukuman gantian untuk mangsa atau wali mangsa.

- iii. Pemberian maaf dan berdamai (*sulh*)

Para fuqaha' sependapat bahawa pemberian maaf merupakan salah satu dari perkara yang akan menggugurkan hukuman qisas. Malah mereka menegaskan bahawa memberi maaf kepada pembunuh itu lebih baik dari melaksanakan hukuman qisas. (Paizah Ismail 1996:138).

(فَمَنْ غَفِيَ لَهُ مِنْ أُخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبَاعَ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٍ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اعْتَدَى بِغَدِّكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ)

Maksudnya: "*Barang siapa yang telah diberi maaf oleh saudaranya maka hendaklah ia mengikutnya dengan cara yang baik dan menunaikannya dengan membayar diyat dengan cara yang baik.*" (al-Quran, al-Baqarah 2:178)

Pemberian maaf yang disertai dengan diayat dikenali sebagai *sulh* atau berdamai, dan bukan memberi maaf. Orang yang berhak memberi maaf kepada pembunuh ialah mereka yang berhak menuntut qisas ke atasnya. Mereka ini telah pun menjelaskan sebelum ini. Ahli waris si mangsa berhak membuat perdamaian dalam masalah qisas ini, mereka berhak menuntut qisas dan memberi maaf. Perdamaian dalam masalah qisas adalah harus dan dianggap sebagai salah satu perkara yang menggugurkan qisas.

Harus bagi seorang wali atau penjaga atau mangsa itu sendiri berdamai dengan penjenayah dengan menuntut bayaran yang sama nilai diyat atau lebih banyak dari itu. Akan tetapi bayaran tersebut tidak boleh kurang daripada nilai itu sekiranya yang melakukan jenayah itu seorang wali atau penjaga. Akan tetapi sekiranya perdamaian itu dibuat juga dengan kadar ganjaran yang rendah dari nilai diat ia tetap sah dan qisas juga tergugur dengan kerananya. Walau bagaimanapun mangsa sendiri berhak membuat tuntutan tambahan apabila dia kemungkinannya meningkat dewasa atau kembali siuman. (Paizah Ismail 1996:157).

- iv. Tidak ada persamaan/ tidak ada anggota qisas.

Seseorang penjenayah tidak boleh dikenakan hukuman qisas kecuali pada bahagian anggota yang sama sahaja. Seperti tangan dengan tangan, kaki dengan kaki dan seterusnya. Maka sekiranya penjenayah berkenaan tidak mempunyai anggota yang sama dengan anggota mangsa yang dcederakan maka hukuman qisas tidak akan dilaksanakan, tetapi sebaliknya akan dilaksanakan hukuman diyat sebagai gantinya. (Paizah Ismail 1996: 156)

Yang dimaksudkan dengan persamaan ini juga ialah persamaan dari segi kesempurnaan dan kesihatan. Maka tidak boleh dilaksanakan hukuman qisas atas anggota yang sempurna dan sihat sebagai balasan mencederakan anggota yang cedera dan cacat. Tetapi sebaliknya boleh dilaksanakan hukuman qisas anggota yang kurang sempurna dan cacat sebagai balasan mencederakan anggota yang sempurna dan sihat, kerana pelaksanaan seperti ini bermaksud memilih yang lebih sedikit dari apa yang sebenarnya berhak dan ia adalah langkah yang harus.

- v. Menjadi ahli waris dalam qisas.

Hukuman qisas ini akan tergugur sendirinya apabila pembunuh atau penjenayah tersebut merupakan ahli waris. Contohnya, ayah membunuh anaknya. Seorang ayah tidak akan dijatuhkan hukuman qisas ke atas kesalahan membunuh anaknya sendiri.

Maksudnya: *Tidak di qisas seorang bapa apabila membunuh anaknya dan tidak di qisas tuan hamba apabila membunuh hamba yang dimilikinya.*

HUKUMAN QISAS

- i. Berdosa.
- ii. Qisas atau mendapat kemaafan dari pihak mangsa atau wali mangsa.
- iii. Kifarah.
- iv. Tidak mendapat harta pusaka bagi mereka yang membunuh waris mereka.
- v. Diyat. (Diyat Mughallazah-berat / Diyat Mukhaffafah-ringan)

KES-KES PELAKSANAAN QISAS

- i. Kes bunuh pertama.
Kes ini terjadi di Riyadh, Arab Saudi pada 27 November 2012. Ali Mohammed Mahrazi telah dihukum mati kerana kesalahan menikam isterinya sehingga mati dan dia membakar mayat isterinya sehingga rentung. "Ali Mohammed Mahrazi telah dituduh menikam isterinya (Hunayna Khabrani) sehingga mati kemudian menyiram minyak dan membakar mayat isterinya sehingga rentung". Kementerian Arab Saudi. Namun, untuk menutup kes ini Mahrazi kemudiannya telah membuat laporan dan menyatakan bahawa isterinya hilang tanpa khabar berita. Akan tetapi hasil penyelidikan pihak polis kemudian mendapati bahawa Mahrazi adalah pembunuh tersebut. Mahrazi dijatuhkan hukuman pancung. (Berita SPA)
- ii. Kes ini juga terjadi di Riyadh, Arab Saudi pada 28 Disember 2011. Di mana seorang lelaki Arab Saudi telah dijatuhkan hukuman qisas kerana telah disabitkan kesalahan membunuh. "Salman al-Ghamedi telah disabitkan bersalah menikam sahabatnya Ahmed al-Qahtani sehingga mati" kata kementerian dalam negeri di Arab Saudi. (Berita SPA)

KESAN QISAS

Hukuman yang dikenakan setimpal dengan kesalahan

Pembalasan adalah sesuai dengan fitrah kemanusiaan dan konsep kesaksamaan sejagat. Pembalasan ini bertujuan untuk kebaikan dan bukannya untuk memberi penderitaan. Ia juga dapat menghalang dari pihak mangsa kepada sesuatu jenayah melakukan pembalasan sendiri yang boleh mewujudkan jenayah yang lain. Bagi menjamin tujuan ini setiap penjenayah dijatuhi hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan. Terdapat pelbagai bentuk hukuman yang berbeza-beza boleh dikenakan ke atas penjenayah. Hukuman yang berbeza ini dikenakan sesuai dengan penjenayah yang melakukan kesalahan berbeza-beza agar pembalasan yang dibuat itu adil dan tepat dengan kesalahan yang dilakukan. (Muhammad Abu Hasan 1987:185). Setiap kesalahan yang dilakukan, akan diberikan hukuman yang setimpal sesuai dengan apa yang telah penjenayah lakukan. Sama ada secara sengaja atau sebaliknya. Hukuman qisas terlaksana setelah penelitian yang rapi dibuat terhadap kesalahan yang terjadi. Agar hukuman yang terlaksana ini adil dan tidak mendatangkan mudarat kepada sesiapa.

Menimbulkan rasa gerun kepada orang awam akibat hukuman yang dikenakan

Dalam hal ini, hukuman menjadi satu amaran atau peringatan kepada semua masyarakat agar tidak terlibat di dalam kancan jenayah. Ia merupakan satu kaedah pencegahan dan pendidikan kepada orang ramai agar tidak terlibat di dalam jenayah.

Ulama' menyifatkan hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah adalah satu rahmat. Ini kerana ia dapat mewujudkan suasana aman dan selamat di dalam masyarakat. Ia bukan sahaja menimbulkan rasa serik kepada penjenayah, namun juga kepada orang ramai yang menyaksikan pelaksanaan hukuman tersebut. Sejarah membuktikan bahawa apabila hukuman ini dilaksanakan, negara menjadi lebih aman kerana tidak ramai yang berani melakukan jenayah. Oleh sebab kurangnya jenayah dan prosedur untuk mensabitkan kesalahan yang amat ketat, maka jumlah yang dijatuhkan hukuman pula sangat sedikit bahkan hampir tiada langsung. (Abu Mazaya & Abu Izzat 2004: 54)

KESIMPULAN

Tuntasnya, hukuman-hukuman yang terdapat dalam Islam bukanlah bertujuan untuk membalas dendam atau menyakiti sesiapa malah ia bertujuan sebagai pemulihan atau pembetulan kepada penjenayah. Namun, sekiranya seseorang itu melakukan hukuman jenayah bunuh ini dengan niat untuk memuaskan nafsunya maka dia dikira berdosa kerana hal ini bertentangan dengan tujuan qisas itu sendiri iaitu sebagai pendidikan, pemulihan dan pencegahan.

Hukuman asal ialah hukuman yang telah ditentukan oleh syarak dengan nas sebagai asas atau asal bagi kesalahan yang dilakukan. Hukuman qisas ini akan dilaksanakan sekiranya syarat-syarat pembunuh menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya didapati kurang atau syubhah maka hukuman qisas akan digantikan dengan bayaran diyat mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Islam. Hukuman jenis ini ialah hukuman bagi kesalahan qisas sahaja, dalam qisas sahaja terdapat hukuman gantian iaitu diyat. Hukuman gantian ialah hukuman sebagai ganti hukuman asal apabila tidak boleh dilaksanakan kerana halangan syarak atau tidak mencukupi syarat pelaksanaan.

Manusia telah diberi penghormatan oleh Allah untuk menjalani kehidupan di dunia. Beberapa hak telah diberikan kepada mereka. Hak yang paling besar dan utama perlu dijaga ialah memelihara nyawa yang dikira sebagai simbolik untuk hidup. Islam

mengharamkan penganutnya membunuh diri sendiri lebih-lebih lagi membunuh orang lain. Tapi di sebalik larangan itu, Islam membenarkan membunuh orang lain kalau dengan kebenaran (al-Haq) atau dengan sebab-sebab yang dibolehkan. Qisas ialah hukuman yang melibatkan hak individu mangsa atau walinya. Contohnya setelah hakim mendapati seseorang itu bersalah kerana melakukan pembunuhan, maka wali boleh memilih sama ada untuk meneruskan hukuman qisas atau memaafkan penjenayah dan digantikan dengan diyat.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Muhammad Abu Hasan. 1987. *Ahkam al-Jarimah wa al-Uqubah fi Syari'ah al-Islamiyyah*. Jordan: Maktabah al-Minar, Hlm.185
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji. 2011. *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al Syafie*. Terj. Zulkifle Muhammad Al-Bakri & rakan-rakan. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. J5.
- Abd Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 1997. *Pengantar Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abu Mazaya al-Hafiz & Abu Izzat al-Sahafi. 2004. *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: al Hidayah Publisher.
- Said Ibrahim. 1996. *Qanun Jenayah Syariah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berasaskan Al-Quran dan Hadis*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Paizah Ismail. 1996. *Undang-undang Jenayah Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Islam

Ahmad Bin Muhammad Husni

Lecturer at Department of Fiqh & usul al-Fiqh.

Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, (KIRKHS), IIUM Gombak Campus.

P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, International Islamic University Malaysia.

Email: ahmedking25@gmail.com & ahmedking25@iium.edu.my

Amin Bin Muhammad Husni

Lecturer at Kolej Dar al-Hikmah, Sg. Ramal Dalam, 43000 Kajang, Selangor, Darul Ehsan, Malaysia.